



**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2011**

**OLEH
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



PENYATA KEWANGAN 2011

NEGERI PULAU PINANG

LAPORAN BENDAHARI NEGERI



PENYATA KEWANGAN 2011

NEGERI PULAU PINANG

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI**



PENYATA KEWANGAN 2011

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN A
Penyata Perbelanjaan
Mengurus



PENYATA KEWANGAN 2011

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN B

Penyata Perbelanjaan Pembangunan



PENYATA KEWANGAN 2011

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN C

**Penyata Akaun Memorandum
Pinjaman Boleh Dituntut**




PENYATA KEWANGAN 2011

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN D
Penyata Akaun Memorandum
Pelaburan

Surat Penyampaian



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

YANG AMAT BERTHORMAT
TUAN LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI
PULAU PINANG.

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972), saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 yang telah diaudit untuk dibentangkan di Mesyuarat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Pengawal dan kakitangan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Kewangan Negeri khasnya di atas dedikasi dan komitmen dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tersebut. Perancangan yang rapi dan tersusun juga telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 disediakan dengan sempurna untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dalam sesi Bajet 2012.

Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2011

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusan kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Mulai tahun kewangan 2011, penambahbaikan dari segi format persembahan telah dibuat ke atas Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.

Kandungan

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

Muka Surat

LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Pendahuluan	3
Lembaran Imbangan	4
Wang Awam	4
Akaun Hasil Disatukan	5
Akaun Pinjaman Disatukan	11
Akaun Amanah Disatukan	12

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sijil Ketua Audit Negara	9
--------------------------	---

Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010	21
--	----

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	25
Penyata Kedudukan Kewangan	26
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	27
Penyata Prestasi Kewangan	29
Penyata Akaun Memorandum	30
Nota kepada Penyata Kewangan	31

LAMPIRAN KEPADA NOTA

LAMPIRAN

1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	47
2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	74
3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	89
4 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	93

LAMPIRAN

I Perangkaan Kewangan Kerajaan Negeri , 2001 - 2010	
II Carta Organisasi Jabatan Kewangan Negeri	
Carta Organisasi Pengurusan Bendahari Negeri	

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2011

Kandungan	Muka Surat
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	i - xiv
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	3
Penyata Kedudukan Kewangan	4
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	5
Penyata Prestasi Kewangan	7
Penyata Akaun Memorandum	8
Nota kepada Penyata Kewangan	9
Lampiran	
A. Penyata Perbelanjaan Mengurus	22
B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan	49
C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	66
D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	70


LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan untuk menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan kerajaan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2011. Maklumat di dalam laporan ini diperolehi daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Penyata Kewangan ini telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 16 Januari 2012.

Penyata ini mengandungi transaksi yang berlaku di dalam Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Penyata Akaun Memorandum pula terdiri daripada Aset dan Liabiliti yang tidak termasuk di dalam Lembaran Imbangan. Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2011 adalah berjumlah RM1,133.75 juta meningkat sejumlah RM2.57 juta dari tahun 2010. Carta 1 menunjukkan perkembangan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri dari tahun 2007 sehingga tahun 2011.

**CARTA 1 : KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2007 - 2011**



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

LEMBARAN IMBANGAN

Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri.

WANG AWAM

Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM5.69 juta adalah mencakupi Wang Tunai Dalam Bank sejumlah RM5.21 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan sebanyak RM0.16 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.32 juta. Baki Wang Tunai di akhir tahun 2011 meningkat sebanyak RM3.17 juta berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM2.52 juta.

Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2011 terdiri daripada pelaburan simpanan tetap berjumlah RM1,093.00 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM3.61 juta. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah telah berkurang sebanyak RM0.60 juta berbanding tahun 2010.


LAPORAN BENDAHARI NEGERI

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan tahun 2011 dengan lebih berjumlah RM138.31 juta. Lebih ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM602.89 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM464.58 juta. Lebih ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM572.49 juta dalam tahun berakhir 2010 menjadi RM710.81 juta bagi tahun berakhir 2011. Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2007 sehingga tahun 2011.

**CARTA 2 : KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2007 – 2011**




LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2011. Pada tahun 2011 terdapat pertambahan hasil sebanyak RM192.19 juta berbanding tahun 2010. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di Jadual 1.

**CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN HASIL
BAGI TAHUN 2011**



**JADUAL 1
PRESTASI HASIL TAHUN 2007-2011 (RM Juta)**

KOMPONEN	TAHUN				
	2007	2008	2009	2010	2011
HASIL CUKAI	93.16	110.15	111.93	116.29	118.17
HASIL BUKAN CUKAI	129.58	186.76	197.91	197.92	212.11
TERIMAAN BUKAN HASIL	73.12	74.23	66.67	96.49	272.61
JUMLAH	295.86	371.14	376.51	410.70	602.89

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2011 telah meningkat sebanyak 1.62% berbanding tahun 2010. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri dari Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Hasil Cukai Tanah telah meningkat sejumlah RM0.81 juta pada tahun 2011 berbanding 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh usaha berterusan Kerajaan Negeri di dalam mengutip hasil termasuk tunggakan Cukai Tanah melalui kaedah yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara .

Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2011 meningkat sejumlah RM14.19 juta berbanding tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan Perolehan Pelaburan RM13.47 juta berbanding tahun 2010.

Terimaan Bukan Hasil


Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2011 berjumlah RM272.61 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM176.12 juta berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM96.49 juta.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011 berjumlah RM464.58 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM12.90 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM451.68 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Maksud Emolumen sebanyak RM112.65 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM86.88 juta, Perolehan Aset sebanyak RM3.13 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM260.54 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM1.38 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan tahun 2011 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2010. Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di Jadual 2.

**CARTA 4 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2011**



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

JADUAL 2
PRESTASI PERBELANJAAN MENURUS MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN
TAHUN 2007-2011 (RM Juta)

KOMPONEN	TAHUN				
	2007	2008	2009	2010	2011
EMOLUMEN	78.15	98.53	101.74	109.03	112.65
PERKHIDMATAN & BEKALAN	59.67	58.68	66.02	72.07	86.88
ASET	2.18	1.26	2.72	1.89	3.13
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	106.07	122.79	110.39	188.29	260.54
PERBELANJAAN LAIN	6.18	1.89	18.30	5.88	1.38
JUMLAH	252.25	283.15	299.17	377.16	464.58

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Emolumen

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM112.65 juta pada tahun 2011 dan jumlah ini meningkat sejumlah RM3.62 juta berbanding tahun 2010 sejumlah RM109.03 juta. Pertambahan ini disebabkan oleh usaha yang telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong di pentadbiran Kerajaan Negeri.

Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM14.81 juta berbanding tahun 2010.

Aset

Perolehan Aset telah meningkat sebanyak RM1.24 juta berbanding tahun 2010.

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap telah meningkat berbanding tahun 2010 sejumlah RM72.25 juta. Jumlah perbelanjaan bagi maksud ini pada tahun 2011 adalah sebanyak RM260.54 juta.

Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM1.38 juta iaitu menurun sebanyak RM4.50 juta berbanding tahun 2010.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulanwang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2011 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2010. Baki pada akhir tahun menunjukkan amaun sifar disebabkan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Jumlah terimaan pinjaman yang telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 2011 adalah sebanyak RM6.59 juta, bertambah berbanding tahun 2010 sebanyak RM5.79 juta.

JADUAL 3
PRESTASI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN
TAHUN 2007-2011 (RM Juta)

PERIHAL	TAHUN				
	2007	2008	2009	2010	2011
BAKI PADA 1 JANUARI	0	0	0	0	0
TERIMAAN PINJAMAN	59.38	133.62	64.51	5.79	6.59
PINDAHAN KE KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	59.38	133.62	64.51	5.79	6.59
BAKI PADA 31 DISEMBER	0	0	0	0	0

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam dan Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2011 berjumlah RM422.94 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM135.74 juta berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM558.68 juta.

Kumpulanwang Pembangunan – Kumpulanwang ini telah memperakaunkan penerimaan sebanyak RM190.49 juta bagi tahun 2011 yang terdiri daripada Pemberian (TAHAP) Kerajaan Persekutuan, Sewa/Beli Perumahan Kos Rendah, Bayaran Balik Pinjaman dan Pindahan Peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan dan jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM171.05 juta. Perbelanjaan bagi Kumpulanwang ini adalah bagi projek-projek pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Prestasi baki Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di Jadual 4.

JADUAL 4
PRESTASI BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
TAHUN 2007-2011 (RM Juta)

KOMPONEN	TAHUN				
	2007	2008	2009	2010	2011
PEMBANGUNAN	102.33	189.76	176.21	80.42	99.86

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya baki jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini meningkat sebanyak RM13.57 juta berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM115.91 juta.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun berakhir 2011 ialah sebanyak RM116.90 juta meningkat sejumlah RM41.70 juta berbanding baki bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 yang berjumlah RM75.20 juta.

Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit ini adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2011 terdapat 149 akaun wang deposit yang keseluruhannya berjumlah RM76.68 juta.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum disediakan bagi membantu menerangkan secara terperinci perkara-perkara berkaitan Aset dan Tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan Kerajaan Negeri.

ASET

Aset Kerajaan Negeri yang dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum adalah harta milikan Kerajaan Negeri semasa dan yang bakal diterima. Aset-aset berkenaan yang dilaporkan ialah Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Pajakan Projek Bekalan Air.

Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd.

Sehingga tahun 2011, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM79.28 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta, Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak RM41.34 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM2.15 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, pelaburan dalam unit amanah dan pelaburan ekuiti dalam Syarikat PBA Holdings Bhd. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2011 ialah RM234.41 juta.

Hasil Belum Terima

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2011, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM77.84 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM0.94 juta berbanding tahun 2010 iaitu RM78.78 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM57.31 juta.

Bayaran Air Mentah

Baki Bayaran Air Mentah bagi tahun berakhir 2011 adalah sejumlah RM22.95 juta.

LIABILITI

Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2011 berjumlah RM36.72 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM651.07 juta berbanding tahun 2010 berjumlah RM687.79 juta. Penurunan ini adalah disebabkan pinjaman Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang telah diselaraskan dengan proses migrasi dan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di antara Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan PBAPP.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENUTUP

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diterima dan disahkan lengkap oleh Ketua Audit Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang masih lagi mengekalkan Penarafan Indeks Akauntabiliti pada tahap sangat baik oleh Ketua Audit Negara bagi pengurusan kewangannya sama seperti penarafan yang telah diberikan pada tahun 2008 hingga 2010.

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha meningkatkan pengurusan kewangan negeri bagi mempertahankan kualiti pengurusan yang telah diiktirafkan ini. Walau bagaimanapun, pengurusan kewangan negeri yang baik dan penyediaan Penyata Kewangan yang teratur dan lengkap tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen, kerjasama dan sokongan daripada semua Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri serta kakitangannya.

TERIMA KASIH.

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disedia

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan kewangan dan pelaksanaan pada 31 Disember 2011.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2011.

DATO' HAJI MOKHTAR BIN JAIT
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
16 Januari 2012

ROSMAH BINTI ISMAIL
Bendahari Negeri Pulau Pinang
16 Januari 2012

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2011

		<u>2011</u>	<u>2010</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	5,690,394	2,516,339
PELABURAN	4	1,128,057,347	1,128,657,347
		###	###
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	710,809,941	572,492,567
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	-
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	422,937,800	558,681,119
		###	###

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

		<u>2011</u>		<u>2010</u>	
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		118,176,654		116,292,082	
Hasil Bukan Cukai		212,110,258		197,920,024	
Terimaan Bukan Hasil		<u>272,607,203</u>	602,894,115	<u>96,489,524</u>	410,701,630
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		<u>6,589,329</u>	6,589,329	<u>5,793,119</u>	5,793,119
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		-		-	
Jualan Aset Modal		-		-	
Pelbagai Terimaan Modal		40,489,325		41,164,379	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>600,000</u>	41,089,325	<u>-</u>	41,164,379
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		<u>-</u>		<u>91,532,589</u>	91,532,589
Jumlah Terimaan			<u>###</u>	<u>549,191,717</u>	

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

		<u>2011</u>		<u>2010</u>	
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		112,647,677		109,030,735	
Perkhidmatan dan Bekalan		86,879,353		72,072,955	
Aset		3,134,906		1,892,648	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		108,125,690		97,539,295	
Perbelanjaan Lain		<u>1,379,418</u>	312,167,044	<u>5,873,284</u>	286,408,917
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		171,050,388		183,201,521	
Pinjaman		<u>-</u>	171,050,388	<u>42,752,421</u>	225,953,942
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>-</u>	-	<u>30,648,441</u>	30,648,441
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		2,409,696		1,753,697	
Kepada Agensi		<u>6,589,329</u>	8,999,025	<u>5,793,119</u>	7,546,816
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>155,182,257</u>	155,182,257	<u>-</u>	-
Jumlah Bayaran			###		550,558,116
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			3,174,055		(1,366,399)
Wang Tunai Pada 1 Januari			2,516,339		3,882,738
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>5,690,394</u>		<u>2,516,339</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

	<i>Nota</i>	<u>2011</u>		<u>2010</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	385,326,170	602,894,115	410,701,631
<u>Tolak:</u> Belanja Mengurus	5	493,102,840	314,576,741	288,162,614
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		###	288,317,374	122,539,017
<u>Tolak:</u> Belanja Pembangunan	7	557,251,370	171,050,388	225,953,942
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		###	117,266,986	###
DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman	6		6,589,329	5,793,119
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		33,899,996	35,371,260
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		(157,756,311)	62,250,546
JUMLAH PEMBIAYAAN			###	103,414,925

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2011

		<u>2011</u>	<u>2010</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		79,284,270	118,454,945
Pelaburan		234,408,766	238,669,205
Akaun Belum Terima		77,843,719	78,778,341
Bayaran Air Mentah		22,954,800	71,792,000
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Kerajaan Negeri		36,720,993	687,789,777

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011**

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah dikenakan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2011 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011 RM	2010 RM
Wang Tunai Dalam Bank	5,208,827	1,497,540
Wang Tunai Dalam Perjalanan	158,667	526,099
Wang Tunai Dalam Tangan	322,900	492,700
JUMLAH WANG TUNAI	5,690,394	2,516,339

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2011 Nilai Buku		2010 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Saham	-	31,450,000	-	31,450,000
Deposit Dalam Negeri	3,607,347	###	4,207,347	1,093,000,000
<i>Jumlah</i>	3,607,347	###	4,207,347	1,124,450,000
JUMLAH PELABURAN	1,128,057,347		1,128,657,347	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 611].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011			2010	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		572,492,567		538,953,551	
HASIL					
Hasil Cukai	117,360,000	118,176,654	100.70	116,292,082	99.42
Hasil Bukan Cukai	134,352,570	212,110,258	157.88	197,920,024	152.51
Terimaan Bukan Hasil	133,613,600	272,607,203	204.03	96,489,524	123.25
<i>Jumlah Hasil</i>	385,326,170	602,894,115	156.46	410,701,630	126.36
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	127,323,253	112,647,678	88.47	109,030,734	86.81
Perkhidmatan dan Bekalan	92,660,019	86,879,353	93.76	72,072,955	90.38
Aset	3,773,827	3,134,906	83.07	1,892,648	87.26
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	117,506,840	110,535,386	94.07	99,292,993	82.67
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,838,901	1,379,418	75.01	5,873,284	91.80
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pinda)</i>	343,102,840	314,576,741	91.69	288,162,614	86.27
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	150,000,000	150,000,000		89,000,000	
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	493,102,840	464,576,741	94.21	377,162,614	93.35
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		138,317,374		33,539,016	
BAKI PADA 31 DISEMBER		710,809,941		572,492,567	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011				2010	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	110,000,000	110,000,000	106,040,814	96.40	105,233,770	95.65
Cukai Parit Dan Taliair	670,000	670,000	666,070	99.41	802,275	120.37
Cukai Langsung Yang Lain	190,000	190,000	191,894	101.00	179,019	94.22
Cukai Hiburan	6,500,000	6,500,000	11,277,876	173.51	10,077,018	165.20
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	117,360,000	117,360,000	118,176,654	100.70	116,292,082	99.42

(disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011				2010	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	8,831,210	8,831,210	9,840,874	111.43	15,426,627	162.39
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	33,982,660	33,982,660	54,880,097	161.49	50,175,913	146.69
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	43,852,200	43,852,200	85,941,896	195.98	84,651,336	223.36
Sewaan	3,685,000	3,685,000	5,708,233	154.90	5,286,414	84.90
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	39,700,000	39,700,000	50,088,807	126.17	36,618,356	99.38
Denda dan Hukuman	4,301,500	4,301,500	5,650,351	131.36	5,761,378	112.97
Jumlah Hasil Bukan Cukai	134,352,570	134,352,570	212,110,258	157.88	197,920,024	152.51
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	61,472,100	61,472,100	186,974,765	304.16	30,773,586	153.67
Terimaan daripada Agensi-ag	72,141,500	72,141,500	85,632,438	118.70	65,715,938	112.79
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	133,613,600	133,613,600	272,607,203	204.03	96,489,524	123.25
JUMLAH HASIL	385,326,170	###	602,894,115	156.46	410,701,630	126.36

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2011			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	2,580,420	2,580,420	1,873,665	72.61
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	228,000	228,000	167,419	73.43
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	15,353,410	15,353,410	10,855,650	70.71
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	18,161,830	18,161,830	12,896,734	71.01
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	102,483,490	102,483,490	94,309,915	92.02
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	7,648,390	7,648,390	6,844,024	89.48
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	5,839,110	5,839,110	5,452,831	93.38
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	5,236,080	5,236,080	4,525,469	86.43
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	5,770,760	5,770,760	5,446,806	94.39
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	5,529,290	5,529,290	5,249,945	94.95
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	4,659,815	4,659,815	4,252,822	91.27
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	27,862,077	27,862,077	26,592,721	95.44
B. 09 Jabatan Perhutanan	2,189,350	2,189,350	1,935,056	88.38

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2011			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 10 Jabatan Taman Botani	2,917,800	2,917,800	2,778,266	95.22
B. 12 Jabatan Kerja Raya	29,989,908	29,989,908	26,110,352	87.06
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	13,382,380	13,382,380	11,946,324	89.27
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	5,788,460	5,788,460	5,591,463	96.60
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	2,885,870	2,885,870	2,795,435	96.87
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	84,780,610	84,780,610	81,443,472	96.06
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4,710,260	4,710,260	4,005,431	85.04
B. 18 Jabatan Pertanian	6,717,190	6,717,190	6,117,003	91.06
B. 19 Jabatan Mufti	1,950,500	1,950,500	1,888,684	96.83
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah	4,599,670	4,599,670	4,393,988	95.53
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	324,941,010	324,941,010	301,680,007	92.84
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	343,102,840	343,102,840	314,576,741	91.69
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			150,000,000	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			464,576,741	

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran A - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-

Bayaran faedah hutang negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM2,096,179.93 seperti di Nota 5(b).

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Perihal	2011 (Debit)/Kredit RM	2010 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	589,329	1,560,671
Bayaran	(589,329)	(1,560,671)
Baki pada 31 Disember	-	-
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	6,000,000	4,232,448
Bayaran	(6,000,000)	(4,232,448)
Baki pada 31 Disember	-	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	-	-

Di Penyata Prestasi Kewangan Pinjaman Negeri berjumlah RM6,589,329 untuk tahun 2011 adalah terimaan bersih tahun

